



# Buletin

# MDSIK

Laman Web : [www.mdsik.gov.my](http://www.mdsik.gov.my)

Email : [admin@mdsik.gov.my](mailto:admin@mdsik.gov.my)

Oktober | November | Disember 2009

EDISI 2

## GOTONG-ROYONG PERDANA TAHUN 2009 Dan LOCAL AGENDA 21



Sesi Pendaftaran.



Pengagihan baju kepada jabatan yang terlibat.



Sesi Pemanasan Badan ( senamrobik ) sebelum acara gotong-royong bermula.



Perasmian Gotong-royong Perdana oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri YB. Dato' Ir. Haji Fahrolrazi Haji Zawawi.



Perasmian penanaman pokok Tecoma oleh YB. Dato' Ir. Haji Fahrolrazi Haji Zawawi dan diikuti penanaman pokok oleh Tuan Haji Adzmi Bin Din.

Pada 1 November 2009 telah diadakan pelancaran 180 tanaman pokok teduhan angkat Jeris " Tecoma " yang bakal merubah wajah daerah SIK. Program ini adalah bertujuan untuk memperindah kembali landskap dan mewujudkan satu tarikan baru kepada masyarakat luar bagi melancong ke daerah SIK dan ia adalah salah satu projek perintis dalam negeri Kedah dan belum lagi dilaksanakan di daerah - daerah lain namun mendapat kerjasama yang amat baik daripada 13 jabatan kerajaan dalam daerah SIK. Setiap jabatan akan mengambil lima batang pokok untuk di jadikan pokok angkat, setiap ahli majlis dipertanggungjawab mengambil satu pokok angkat dan selebihnya akan dijaga oleh kakitangan Majlis Daerah SIK.

Penanaman pokok jenis tersebut akan di tambah secara berperingkat-peringkat dan bercadang untuk memenerikan projek berkenaan bermula dari Pekan SIK sehingga tepi Jambatan Jenjang. Selain daripada memperindah landskap daerah SIK, projek berkenaan juga adalah bertepatan dengan Local Agenda 21 yang menurus kepada keperluan pembangunan yang turut menyatupadukan ketahanan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Selain itu, pada tarikh ini juga adalah bermakna kerana segala kerja-kerja pungutan sampah, penyelarasan longkang, pemotongan rumput akan dibuat oleh pihak swasta, Syarikat E-Idaman. Kerajaan Persekutuan telah melantik syarikat swasta iaitu Syarikat E-Idaman bagi menantik kembali kerja-kerja pemeliharaan dan juga memperindah kawasan dalam negeri Kedah. Sebagai langkah permulaan syarikat berkenaan juga turut menyumbangkan beberapa peralatan untuk membantu kerja-kerja yang dijalankan pada hari gotong royong tersebut di samping sumbangan tenaga daripada kakitangan setiap jabatan.

*Beliau* *Siak* *dan*

**Tuan Haji Adzmi Bin Din, SDK., AMK., BCK.**

*Yang* *DIPertua* *Majlis* *Daerah* *Siak*



Yang DIPertua

Assalamualaikum WBT...

Terlebih dahulu saya merakamkan rasa syukur kehadrat Allah SWT di atas segala limpah dan nikmatnya kepada kita semua di atas keluaran Buletin MDSIK edisi kedua untuk tahun ini. Syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin MDSIK dalam menjayakan penerbitannya.

Diharap Warga Majlis mempunyai semangat tinggi dalam menjalankan tugas seiring dengan matlamat/peranan Majlis yang memberi perkhidmatan kepada orang awam. Semoga buletin ini dapat memberikan manfaat dan ilmu serta pengetahuan kepada semua pembaca yang budiman.

Sekian, Terima kasih.

## Sidang REDAKSI

### PENAUANG

Tuan Yang Dipertua, Majlis Daerah Siak  
Tuan Haji Adzmi Bin Din, SDK., AMK., BCK.

### PENASIHAT

Setiawanha, Majlis Daerah Siak  
En. Abd Aziz Bin Hassan, BCK.

### KETUA PENGARANG

Cik Zhaferina Binti Abd Karim

### KETUA SIDANG PENGARANG

Pn. Asrarina Binti Abd Samat  
Pn. Noor Aifah Binti Mohd Makhtar

### SIDANG PENGARANG

Cik Kamillah Binti Khalid  
Puan Siti Normahura Binti Makhtar  
Puan Muniratul Akmar Binti Mohd Isa  
Cik Noor Aizza Binti Yaacob  
Cik Marry Damiana Binti Chik  
En Mohd Syazwan Bin Sukardi

### JURUFOTO

En. Iqbal Ameer Bin Azmi  
En. Aizan Bin Abd Aziz

### BEKABENTUK GRAFIK

Cik Zhaferina Binti Abd Karim

Kami mengalu-alukan sumbangan artikel, cadangan atau komen. Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Majlis Daerah Siak,  
08200 Siak,  
Kedah Darul Aman.  
Tel : 04 - 4695 394  
Faks : 04 - 4695 448  
www.mdsik.gov.my  
admin@mdsik.gov.my

## Isi Kandungan

<b>JAMBAH HARI BAKA ADLFTTR</b>	<b>03</b>	- Siak Jambh Daerah Di-Pelacangan	
- Perayaan		<b>AKTIVITI</b>	<b>08</b>
- Terapan		- Kerasi Bahasa	
- Sistem sepanjang Jamban		- Taklimat Haji	
<b>LOKAL AGENDA 21</b>	<b>04</b>	- Majlis Pengiktirafan Peningkat Pengurusan	
- Apa itu LA 21		- Gandingan Harian Adh Majlis Bersama YDP MDSIK	
- Pembangunan Harapan		<b>BERKAWAN</b>	<b>09</b>
- Majlis Tandasaraji Kotarak Perjarjan Majlis		- Puji Tuay YDP	
Daerah Siak Bersuara E-Konaman	<b>05</b>	- Hari Terakamir Tuay YDP di MDSIK	
- Sekelompok Penghargaan Kepada Kaitungan Majlis		- Menonjol Sepanjang Berkhidmat di MDSIK	
Daerah Siak Yang Berbahar Ka E-Konaman		<b>PELBAKAI</b>	<b>10</b>
- Serani Kaitungan Majlis Daerah Siak yang Berbahar ka		- Puji Tuay Yang Membuat Anda Bermotivasi	
Suara Siak E-Konaman		- Di Waktu Padu	
- Lawatan Kaaja Ka Daerah Bersuara Kota Wabaku		- Andara Kita	
<b>PUBLISITI DRAF BANCANGAN TEMPATAN</b>	<b>06</b>	- Pantan Naahat	
<b>DARAU SIK</b>		- Hari Bahagia Kaitungan MDSIK	
- Apa itu Rancangan Tempatan		<b>DESTINASI PELAKONGAN</b>	<b>11</b>
- Fungsi Rancangan Tempatan		- Tashk Berik	
- Rangka Perancangan		- Taman Dua Ulu Muda	
- Maksud Perancangan		<b>PENGUNYAN</b>	<b>12</b>
- Tujuan PABCS		- Perancangan Riba Taqwa Siak	
- Profil Kajian			

# JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI

PERINGKAT DAERAH SIK ANJURAN MAJLIS DAERAH SIK , PEJABAT TANAH DAN DAERAH

Terikh : 19 Oktober 2009

Tempat : Perkarangan Kompleks Pentadbiran



Perlepasan pada hari Jamuan oleh kakitangan Majlis Daerah SIK, Pejabat Tanah dan Daerah serta orang kampung.



Antara tetamu kehormat yang turut hadir memeriahkan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri bertempat di perkarangan Kompleks Pentadbiran.



Begitulah suasana pada hari Jamuan yang dihadiri oleh penduduk Daerah SIK tidak kira usia, pengkat dan agama.

# LOCAL AGENDA 21



Pameran Local Agenda 21 yang telah di adakan pada 1 November 2009 bertempat di Perkarangan Bangunan Koperasi SIK.

## APA ITU LA 21 ?

Local Agenda 21 (LA21) ialah suatu program untuk masyarakat, sektor swasta dan pihak berkuasa tempatan (Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, Majlis Bandaraya dan Dewan Bandaraya) bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mampan. Melalui Local Agenda 21, masyarakat tempatan boleh melibatkan diri untuk mengenalpasti dan mengkaji isu-isu pembangunan mampan, membentuk pelan tindakan untuk menangani isu-isu tersebut dan melaksanakan pelan tindakan itu.

Pendekatan asas program ini ialah pendekatan "bottom-up", atau dari akar umbi ke atas. Ini bermakna, penduduk-penduduk tempatan sendiri akan terlibat dalam menentukan pelan tindakan bagi kawasan masing-masing.

Sektor Swasta  
Industri dan  
Perdagangan

Pihak Berkuasa  
Tempatan  
- Dewan / Majlis  
Bandaraya  
- Majlis Perbandaran  
- Majlis Daerah  
Jabatan-jabatan  
kesejaan lain yang  
berkemungkinan.

LOCAL AGENDA 21  
Pembangunan mampan  
melalui penyertaan

Masyarakat

- Orang awam
- Pengguna
- NGO
- CBO
- Pemasukan Penduduk
- Profesional
- Media massa
- Wakil masyarakat lain

Program seperti ini haruslah menghasilkan projek-projek fizikal supaya faedah-faedahnya dapat dilihat oleh masyarakat dan PBT-PBT. Sebagai contoh, isu-isu yang berfuiat boleh dijadikan projek fizikal:

- Pencemaran
- Pembaziran sumber
- Kitar semula
- Kebersihan
- Kemasyarakatan sosial
- Integritas sosial

## PEMBANGUNAN MAMPAN

Secara ringkas, pembangunan mampan ialah pembangunan yang memeruhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keperluan generasi-generasi masa hadapan. Pembangunan mampan ialah pembangunan yang mengimbangkan pembangunan ekonomi dengan keperluan - keperluan sosial dan alam sekitar.



## MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PENGURUSAN ANTARA PIHAK BERKUASA TEMPATAN&ENVIRONMENT IDAMAN SDN BHD

Tanggal 27 Oktober 2009 terbetarainya perjanjian antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah dan Environment Kaman Sdn. Bhd., maka pengurusan sba pepejal dan pembersihan awam di negeri Kedah dapat diperbaiki lagi. Perjanjian yang amat bermakna bagi kedua-dua pihak ini telah berangung di Wisma Darul Aman yang dibina oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB. Dato' Idris Haji Phalehulad Haji Zawawi. Apabila bertakunya perniagaan, bagi pekerja yang sedia bekerja dengan PBT, maka sebarang pemberhentian sebaliknya mereka diberi tiga pilihan iaitu bersara secara sukarela, masih bekerja tetapi boleh memohon dengan menggunakan skim baru dengan Syarikat E-Idaman Sdn Bhd dengan tawaran gaji yang tinggi ataupun menggunakan skim serta serta kemudahan yang sama dengan kerajaan. Pihak Majlis menyambut baik usaha yang dilakukan oleh Kerajaan. Persekitaran untuk melantik syarikat swasta bagi menilik taraf kembali kerja-kerja pembersihan dan juga memperindah kawasan dalam negeri Kedah. Tujuan utama perniagaan ini adalah untuk mengurus sba pepejal dengan lebih baik. Perniagaan ini juga adalah untuk menyelaraskan kerja-kerja pembersihan oleh Kerajaan Pusat. Selain itu, ia dapat mengurus perbelanjaan dengan baik dsamping memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai. Pengurusan sba pepejal dengan baik adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

### SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA KAKITANGAN MAJLIS DAERAH SIK YANG BERTUKAR KE E-IDAMAN

Semalam 27 orang kakitangan Majlis Daerah Sik telah ditukarkan ke Syarikat E-Idaman setelah perniagaan kerja-kerja pungutan sampah, penyelarasan longkang dan pemotongan rumput. Pihak Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka diatas segala usaha dan gerak kerja yang dikorbankan sepanjang berkhidmat di Majlis Daerah Sik.

### LAWATAN KERJA KE DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Pada 2 Disember 2009 satu lawatan kerja telah diadakan di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Lawatan kerja tersebut diadakan adalah untuk menjalinkan kerjasama serta mengartikan lagi hubungan Majlis Daerah Sik dengan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Rombongan daripada Majlis Daerah Sik yang terdiri daripada Tuan Yang Dipertua, Setiausaha, Ahli Majlis serta pegawai-pegawai Majlis Daerah Sik seramai 23 orang telah diambut baik oleh kakitangan dan pegawai Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dengan mengadakan jamuan makan serta dilayan begitu baik dan mesra oleh mereka. Selain itu, satu taklimat mengenai usaha-usaha dan tindakan-tindakan untuk mengartikan tunggakan kukal kadaran telah diadakan pada hari tersebut.

### SENARAI KAKITANGAN MAJLIS DAERAH SIK YANG BERTUKAR KE SYARIKAT E - IDAMAN

NAMA	TARIKH MILA BERKHIDMAT DI MDSIK
Ahmad Bin Mat Noor	15 Oktober 1981
Ramli Bin Mohamed	15 Oktober 1981
Abdul Karim Bin Ahmad	15 Oktober 1981
Abd Rahim Bin Haji Awang	16 Oktober 1981
Tahir Bin Husin	01 Ogos 1982
Abd Manan Bin Othman	01 Disember 1984
Abd Wahab Bin Yusaf	01 Disember 1984
Che Umar Bin Othman	01 Disember 1984
Shamsuddin Bin Shafee	01 Disember 1984
Mustaffa Bin Isahak	17 Januari 1985
Mohd Sobri Bin Bakar	01 April 2002
Ramli Bin Taib	01 April 2002
Md Sufi Bin Ghazali	01 April 2002
Wan Mohd Nazri Bin Yusoff	28 September 2007
Nazli Bin Mustaffa	17 Oktober 1980
Suhaimi Bin Ayob	01 April 2002
Nordin Bin Mat Piah	01 Januari 2004
Zian Bin Murad	14 Februari 2004
Md Zahir Bin Abdullah	16 Februari 2004
Fadzli Bin Abd Rani	01 Jun 2004
Mohd Hatta Bin Bakar	01 Jun 2004
Abu Khorl Bin Yaakob	04 Julai 2004
Abd Rahman Bin Ahmad	01 Mac 2006
Rostam Bin Kasim	01 Mac 2006
Ramli Bin Mahmud	12 Februari 2006
Mansor Bin Abdulah	01 Jun 2004
Mohd Sobri Bin SemangatOman	01 Mac 2006



Sesi bergambar kenangan antara MDSIK dan DBKK.



Tuan Haji Adzmi Bin Din sedang berbincang dengan Mayor DBKK Datus Ilyas Bin Ibrahim.



Tuan Haji Adzmi Bin Din bertukar cenderamata dengan Mayor DBKK Datus Ilyas Bin Ibrahim.



Sepanjang taklimat yang diadakan di Dewan Mesyuarat DBKK

# PUBLISITI DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH SIK

## APA ITU RANCANGAN TEMPATAN ?

Rancangan Tempatan adalah satu rancangan jangka panjang yang menentukan arah tuju dan corak pembangunan akan datang bagi sesuatu kawasan. Rancangan Tempatan merupakan satu dokumen yang disediakan mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa, 176 ( Akta 172 ).

## FUNGSI RANCANGAN TEMPATAN

- ★ Menterjemahkan strategi-strategi Rancangan Struktur yang mengandungi polisi dan cadangan am Pihak Berkuasa Perancang Tempatan berkenaan.
- ★ Menyediakan garis panduan bagi kawasan pembangunan. Rancangan Tempatan akan menjadi garis panduan bagi urusan mengatur dan mengawal pembangunan di kawasan yang diliputi oleh rancangan tersebut.
- ★ Dasar - dasar dan cadangan dalam Rancangan Tempatan akan digunakan sebagai asas untuk menyelaraskan keputusan - keputusan, susunatur pembangunan, perbelanjaan awam dan persendirian terhadap kawasan yang diliputi oleh Rancangan Tempatan.

## WAWASAN PEMBANGUNAN

*Sik Sebagai Daerah Eko - Pelancongan & Industri Asas Tani*

## MATLAMAT PEMBANGUNAN

Matlamat utama pembangunan ini adalah untuk membangunkan Daerah Sik selaras dengan hasrat untuk menjadikannya sebagai daerah eko-pelancongan dan pusat pengeluaran produk tempatan secara mampan tanpa mengabaikan kesejahteraan penduduk.

## TUJUAN PUBLISITI

Memenuhi peruntukan Seksyen 13, ( Akta 172 ), bahawa sebelum draf Rancangan Tempatan diluluskan untuk diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ( PBPT ), orang ramai diberi peluang untuk memberi cadangan dan mengemukakan bantahan. Menggalakan masyarakat untuk sama-sama terlibat dalam perancangan pembangunan masa depan kawasan mereka. Melalui pameran ini, diharap dapat menghasilkan pembangunan yang mencerminkan reputasi semua pihak khususnya penduduk tempatan.

## PROFIL KAJIAN

Daerah Sik mempunyai keluasan kawasan yang berjumlah 166,793.67 hektar. Terdiri daripada 4 Mukim iaitu Mukim Sik, Mukim Jeneri, Mukim Sok dan Mukim Teloi. Daerah Sik merupakan daerah yang terbesar di Negeri Kedah. Kedudukan Daerah Sik adalah bersempadan dengan Negara Thailand di bahagian timur laut dan utara, Daerah Baling di bahagian timur dan selatan, Daerah Kuala Muda di bahagian barat daya, Daerah Pendang dan Padang Terap di bahagian barat laut.

Guna Tanah Utama : PERHUTANAN iaitu seluas 123,309.57 hektar atau 73.93%.

Guna Tanah Kedua : PERTANIAN iaitu 31,259.83 hektar atau 18.74%.

Guna Tanah Kediaman : 5,038.10 hektar atau 3.02% merangkumi perumahan terancang dan perumahan kampung.

## SIK KE ARAH DAERAH EKO-PELANCONGAN

Majlis Perasmian Publikiti Draft Rancangan Tempatan Daerah SIK 2007-2020 telah dirasmikan pada 13 Disember 2009 di Dewan Wawasan Gemilang Majlis Daerah SIK oleh Menteri Besar Kedah YAB. Dato' Seri Ustaz Arizan Abdul Razak. Beliau berkata draft rancangan tempatan ini merupakan usaha kerajaan di bawah pengawasan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) dan Majlis Daerah SIK untuk membangunkan dan menaiktaraf ekonomi, sosial dan fizikal daerah SIK supaya setanding dengan daerah-daerah lain yang maju di Kedah.

Draft Rancangan Tempatan Daerah SIK 2007-2020 telah dimulakan kajian sejak tahun 2007 dan kini telah berada di peringkat akhir sebelum diwartakan oleh pihak berkuasa negeri. Sebelum diwartakan, lanya perlu melalui proses pemerolehan oleh orang awam, di mana mereka diberi ruang dan peluang untuk mengemukakan cadangan dan bantahan mereka terhadap cadangan yang dikemukakan di dalam kajian ini.

Draft Rancangan Tempatan Daerah SIK 2007-2020 telah menetapkan wawasan pembangunan bagi daerah SIK adalah untuk menjadikan SIK sebagai daerah eko-pelancongan serta pusat industri asas tani secara mampan tanpa mengabaikan kesejahteraan penduduk.

Draft Rancangan Tempatan Daerah SIK 2007-2020 telah menetapkan wawasan pembangunan bagi daerah SIK adalah untuk menjadikan SIK sebagai daerah eko-pelancongan serta pusat industri asas tani secara mampan tanpa mengabaikan kesejahteraan penduduk.

Daripada hasil kajian yang dijalankan, objektif pembangunan adalah untuk mencapai perancangan guna tanah cekap, optimum dan mampan, mengkormesalkan industri asas tani, meningkatkan taraf sistem pengangkutan, melengkapkan kemudahan infrastruktur dan utiliti, memantapkan sistem urus tadbir dan pentadbiran, meningkatkan kualiti kehidupan, membangunkan pusat pendidikan dan penyelidikan pertanian serta membangunkan industri eko-pelancongan.



**MAJLIS PERASMIAN PUBLISITI  
DRAFT RANCANGAN TEMPATAN  
DAERAH SIK**

## KENDURI BAHASA

Tarikh : 29 Oktober 2009 | Khamis | 9 pagi | Dewan Pelbagaiguna Padang Awam SIK |



Lafaz Ikrar Penegahan Bahasa.

Persembahan oleh murid sekolah.

Serah penyerpahan hadiah kepada pemenang.

Antara tetamu yang hadir.

ucapan Perasmian oleh Yang Dipertua Majlis Daerah SIK.

Pelancaran buku.

## TAKLIMAT FAIL MEJA



Pada 1 Disember 2009 bertempat di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah SIK telah diadakan satu taklimat fail meja yang telah disampaikan oleh Setiausaha MDSIK En Abd Aziz Bin Hassan, BCK. Tujuan utama taklimat ini adalah untuk memberi penjelasan serta memberi panduan dengan lebih tepat kepada semua kakitangan dalam penyediaan fail meja.

## MAJLIS PENGIKTIRAFAN PANGKAT PENGUATKUASA



En. Zulkifli Bin Osman diiktiraf sebagai Inspektor.



En. Mohd Nazur Bin Abd Hamid sebagai Penolong Inspektor.

Pada 30 Disember 2009 bersamaan hari Rabu satu Majlis Pengiktirafan Pangkat Penguatkuasa telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah SIK. Pengiktirafan tersebut telah di sempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah SIK Tuan Haji Adzmi Bin Din, SDK., AWK., BCK.

## GAMBAR KENANGAN AHLI MAJLIS BERSAMA YDP MAJLIS DAERAH SIK



**Duaah Duta Kiri:** Tuan Haji Mohd Auri Redha Bin Abd Rahman, AMK, BCK (Pentadbir Tanah Daerah SIK), Tuan Haji Adzmi Bin Din, SDK, AMK, BCK (Yang Dipertua Majlis Daerah SIK), En. Abd Aziz Bin Hassan, BCK (Setiausaha Majlis Daerah SIK)

**Bentri Gerakan Tengah Duta Kiri:** Pn. Shafiqah bt Hj Yusoff, Uenaz Mohd Isa Bin Shafiq, JP., En. Khaled Bin Sulaiman, Uenaz Imran Bin Hj Mahamad, En. Huzaimuddin Bin Ramak (Jurutera JPS Kuala Muda / SIK / Kaling), Uenaz Wan Mohd Saifulmuddin Bin Hj Abd Rahman dan Dr. Alekha bt Juoch (Pegawai Kewangan Daerah SIK).

**Bentri Gerakan Belakang Duta Kiri:** En. Anan Bin Ahmad (Wakil JWC), En. Mikhamsul Bahri Bin Abdul Rahman, Th. Haji Mohd Redha Bin Duaah, BCK/Jurutera Daerah JKR Kuala Muda/SIK, Th. Haji Abd Rashid Bin Abdulah, En. Si Kuan a/Din Chan dan DTP Zaiting Bin Mustafa (Ketua Polis Daerah SIK).

## PROFIL TUAN YANG DIPERTUA



Nama : Tuan Haji Adzmi Bin Din, SDK.,AMK.,BCK.  
 Tarikh Lahir : 30 Jun 1956  
 Tempat Lahir : Guar Kepayang, Kota Star  
 Akademik : B.A (Hons) Universiti Malaya (1779)

### PENGALAMAN

- 1 Januari 1980 : Dilantik sebagai Pegawai Tadbir Kedah sementara
- 16 Disember 1961 : Bertukar sebagai Penolong Pegawai Tanah dan Galian (Pengambilan Tanah)
- 1 Julai 1985 : Bertukar ke Pejabat Tanah Kubang Pasu sebagai Pentadbir Tanah 1
- 1 Ogos 1987 : Bertukar ke Pejabat Daerah Langkawi sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Langkawi)
- 16 Februari 1969 : Bertukar ke Pejabat Daerah Pendang sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Pendang)
- 16 Mei 1998 : Bertukar ke Pejabat Daerah Bandar Baru sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah Tanah
- 15 April 2001 : Bertukar dan memangku jawatan Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) Langkawi
- 10 Januari 2003 : Bertukar dan memangku jawatan Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Bahagian Kerajaan Tempatan)
- 14 Ogos 2003 : Dipinjam sebagai Pengurus Besar Yayasan Islam Hegeri Kedah
- 15 Disember 2004 : Dituakir ke Pejabat Tanah Kubang Pasu sebagai Pentadbir Tanah Kubang Pasu
- 1 Januari 2006 : Dituakir ke Majlis Perbandaran Sungai Petani sebagai Pemangku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sungai Petani

Tuan Haji Adzmi Bin Din, SDK.,AMK.,BCK. telah mula berkhidmat di Majlis Daerah Sik pada 15 Mei 2008 sebagai Tuan Yang Dipertua sehingga 31 Disember 2009.

Memori Sepanjang  
Berkhidmat Di MDSik

## HARI TERAKHIR TUAN YDP BERTUGAS DI MDSIK



Tuan Haji Adzmi Bin Din bersalaman dengan kakitangan di hari terakhir beliau bertugas di MDSik. Pihak Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih di atas usaha gigih beliau dalam membangunkan Daerah Sik selama berkhidmat di MDSik.



Sesi pertemuan bersama Tuan Guru Haji Salleh Bin Haji Musa.



### 7 PERKARA YANG MEMBUAT ANDA BERMOTIVASI DI WAKTU PAGI

Perkara terbaik yang Anda patut lakukan di waktu pagi, adalah :

- 1. Bersyukur, bersyukur, bersyukur.**  
Bersyukurlah sebab Anda masih diberi peluang untuk meneruskan hidup, Anda masih ada kesempatan untuk melakukan yang terbaik hari ini, lebih baik dari yang kemarin.
- 2. Tekad Bermotivasi.**  
Pasang niat dalam hati yang Anda mahu jadi bersemangat sepenuhnya. Ambil beberapa artikel-artikel motivasi pendek dan baca dalam seminit dua.
- 3. Dekatkan Diri Dengan Sesi Motivasi.**  
Ikuti sesi-sesi motivasi di media, misalnya Motivasi Pagi di TV3 dan sesi motivasi Dr Izzy di Hot FM. Luangkan masa 3-5 minit memberi motivasi pada diri sendiri melalui sesi-sesi motivasi pendek ni.
- 4. Dalam Apa Jua Yang Anda Buat, Mulakan Dengan Bismillah.**  
Bila Anda start punch card nak masuk kerja, baca Bismillah, moga Anda dijauhkan dari bilikan syaitan yang membuat Anda lalai, mengantuk, macam tak cukup 'cas betri' saja.
- 5. Set Target Kemaajuan Diri Sendiri**  
Ini juga kurang dititikberatkan. Bila dah keluar rumah sama ada ke kelas atau ke tempat kerja, kita tak tahu apa yang kita nak capai hari tu. Betul tak?
- 6. Lihat Warna Cerah**  
Warna boleh mempengaruhi mood. Warna cerah membuat kita jadi energetik, ceria dan penuh dengan idea.
- 7. Peruhkan Hati Dengan Kemaafan**  
Lepaskan segala yang dulu-dulu. Maafkan orang diwaktu pagi, maafkan kesalahan semuanya dari dulu sampai sekarang.

Anda mesti berubah untuk kemaajuan diri.

### MUTIARA KATA

Berusahalah dengan ikhtis tanpa memikirkan balasan semata-mata, kerana semakin tinggi keikhlasan di dalam diri, semakin tinggi balasan baik yang akan diperolehi dalam keadaan sedar atau tidak.

### PANTUN NASIAHAT

*Pandah melata si peheli tahu,  
Pagi pasaran membeli daging,  
Banyak harta tak ada ilmu,  
Bagai rumah talah beradung.*

*Angin telah menyisir pantai,  
Rampas rampai di bawah tali,  
Biarlah buah hati dipahai,  
Ara! pantai mengambil hati.*

*Pagi mandi gamang dahi,  
Mandi menjat hancur dan rasi,  
Bergotong-royong amalan yang baik,  
Uk! diamalkan setiap masa.*

*Buah pelaga malin di lili,  
Dikawan mang dari lili,  
Sebarang haji hancur dipili,  
Supaya jangan mendapat mali.*

### HARI BAHAGIA KAKITANGAN MDSIK





Salah seorang staf MDSIK, Noor Aliza Bt Yaacob telah melangsungkan peritahwianya pada 12 Disember 2009 yang lalu bersama pasangannya Abdul Rahim Bn Torripil.



Mu'az Bn Mohd Nazim nama di beri, dilahirkan pada 16 November 2009.

Merupakan putera sulung bagi pasangan Pn. Rozeta Bt Ahmad dan Mohd Nazim Bn Othman.





## ALAM SEMULAJADI

Tasik Beris | Taman Eko Ulu Muda

### *Tasik Beris*

Tasik Beris mempunyai keistimewaan dan tarikan tersendiri iaitu mempunyai pemandangan panorama yang indah dikelilingi oleh rangkaian bukit-bukau dan kawasan hutan simpan semulajadi. Ia terletak hampir 17km dari Pekan Sik dan ia mudah dihubungi melalui Jalan Sik - Galau.

Aktiviti-aktiviti yang giat dijalankan di Tasik Beris ialah aktiviti memancing, berkayak, berakit, berlar-lar di sekeliling tasik dan 'jungle tracking'. Selain itu, program motivasi dan aktiviti perkhemahan sering diadakan di kawasan Tasik Beris dengan adanya kelengkapan dan kemudahan asas seperti tapak perkhemahan, chalet, surau, taman permainan kanak-kanak dan tandas awam. Di antara kemudahan penginapan yang terdapat di Tasik Beris ialah D'Puncak Beris Resort dan Tasik Beris Homestay & Campsite.

### *Taman Eko Ulu Muda*

Taman Eko Ulu Muda merupakan hutan warisan negeri dan amat kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna. Ia terletak 95km dari Bandar Alor Setar dan 23km dari Pekan Sik. Ia mudah dihubungi oleh pelancong melalui jalanraya dan seterusnya menaiki Pacuan Empat Roda ke dalam kawasan hutan. Selain itu, bot-bot nelayan juga disediakan untuk membawa pelancong ke kawasan hutan dengan melalui Tasik Muda.

Ulu Muda adalah salah satu daripada 10 destinasi Eko Pelancongan Istimewa di Malaysia. Ulu Muda mempunyai ciri-ciri flora yang kaya dengan elemen Thai-Burma yang mempunyai tumbuhan hutan tropika yang kekal lebih 130 juta-tahun serta terdapat kepelbagaian dan kepadatan sira (salticks) dan air panas ( Hot Spring) sebanyak 10 lokasi yang penting untuk fauna. Terdapat beberapa gua batu kapur yang menarik malah pengunjung dapat melihat spesies kelawar di dalam gua-gua tersebut iaitu 53% spesies yang terdapat di Malaysia. Terdapat juga 109 spesies fauna (termasuk 17 mamalia besar) dan spesies yang hampir pupus.

Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan di Taman Eko Ulu Muda seperti berkhemah, kembara, memerhati unggas dan haiwan liar, memancing dan aktiviti menyusuri sungai/tasik(lake/river cruise).



### PERANGINAN RIMBA TAQWA SIK,

Jalan Semarak,  
Kg Charok Kit,  
08200 Sik,  
Kedah Darul Aman.

04 - 462 1142

### TIPS PERJALANAN

Sekiranya anda mempunyai rancangan untuk membuat perjalanan bertujuan untuk bercuti, menghadiri kenduri, mengunjungi keluarga, menghadiri kursus atau lain-lain aktiviti yang memerlukan anda dan keluarga melakukan perjalanan jauh selama beberapa hari, pertimbangkanlah faktor-faktor berikut sebelum bertolak-

- Harga keseluruhan untuk penginapan semasa dalam perjalanan
- Harga makanan dan minuman untuk setiap orang
- Keperluan untuk mencuci pakaian dan pengeringan
- Melakukan aktiviti untuk keluarga
- Keperluan anak-anak kecil dan keluarga
- Kemudahan pengangkutan